



Fakulti Seni Gunaan Dan Kreatif

**PEMELIHARAAN BANDAR TAIPING SEBAGAI BANDAR
WARISAN DAN PELANCONGAN DI NEGERI PERAK**

Ahmad Hafis Bin Kamis

**Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian
(Pengurusan Seni)
2012**

**PEMELIHARAAN BANDAR TAIPING SEBAGAI BANDAR WARISAN DAN
PELANCONGAN DI NEGERI PERAK**

**AHMAD HAFIS BIN KAMIS
(20609)**

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk
Ijazah Sarjana Seni Gunaan dengan Kepujian
(Pengurusan Seni)

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK
2012

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL : PEMELIHARAAN BANDAR TAIPING SEBAGAI BANDAR
WARISAN DAN PELANCONGAN DI NEGERI PERAK.

SESI PENGAJIAN : 2012

Saya AHMAD HAFIS BIN KAMIS

(HURUF BESAR)

mengaku membenarkan tesis * ini disimpan di Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis adalah hakmilik Universiti Malaysia Sarawak
2. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja
3. Membuat pendigitan untuk membangunkan Pangkalan Data Kandungan Tempatan
4. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi
5. ** sila tandakan (✓)

SULIT

(mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan seperti termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD


(Mengandungi maklumat Terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan oleh



(TANDATANGAN PENULIS)



(TANDATANGAN PENYELIA)

Alamat Tetap:

NO 139 KG SELINSING,
SGG 4, 34400 SEMANGGOL
PERAK.


Tarikh : 29/6/2012

Tarikh : 29/6/2012

Catatan: • Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah, Sarjana dan Sarjana Muda
• *Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD

Projek bertajuk '**Pemeliharaan bandar Taiping sebagai bandar warisan dan pelancongan di negeri Perak**' telah disediakan oleh **Ahmad Hafis Bin Kamis** dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian (**Pengurusan Seni**).

Diterima untuk diperiksa oleh :



.....

Dr. Noria Ak Tugang

Penyelia Program Pengurusan Seni

Tarikh :

.....29/6/2012.....

PENAKUAN

Saya mengakui tiada bahagian daripada penyelidikan yang dipamerkan dalam Penyelidikan dan Projek Tahun Akhir ini telah digunakan sebagai bahan sokongan untuk sesuatu ijazah atau kelulusan sama ada kepada universiti ini atau institusi pengajian tinggi (IPT) yang lain.

Yang Benar,



.....

Ahmad Hafis Bin Kamis

20609

Program Pengurusan Seni

PENGHARGAAN

Bersyukur ke hadrat Ilahi kerana limpah dan kurnia-Nya Penyelidikan dan Projek Tahun Akhir ini telah dapat disiapkan dengan sepenuhnya.

Sejuta penghargaan ikhlas dirakamkan kepada Dr. Noria Ak Tugang selaku penyelia dan Cik Karen Audrey Samy selaku penyelarar Penyelidikan dan Projek Tahun Akhir. Tidak lupa juga pensyarah-pensyarah program Pengurusan Seni yang telah memberikan komen dan pendapat yang membina dalam proses menyiapkan penyelidikan ini. Jutaan terima kasih atas segala nasihat dan tunjuk ajar yang telah diberikan.

Ribuan terima kasih diucapkan kepada Majlis Perbandaran Taiping dan Pusat Informasi Pelancong Taiping atas kerjasama yang telah diberikan dalam mendapatkan maklumat berkaitan penyelidikan ini.

Tidak lupa juga kepada ibu dan bapa, Kamis bin Abdul Hamid dan Norizan binti Hanafi serta keluarga tercinta yang sentiasa memberi semangat dan dorongan. Juga buat teman istimewa yang selalu membantu, Nor Aine binti Jamil Exman.

Penghargaan ini juga ditujukan kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam membantu menjayakan projek penyelidikan ini.

ABSTRAK

Penyelidikan ini merupakan satu kajian mengenai pemeliharaan bandar Taiping sebagai bandar warisan dan pelancongan di negeri Perak. Pengaruh pembangunan, ekonomi dan teknologi semasa telah memberi cabaran yang hebat terhadap bagaimana bandar Taiping dapat dikekalkan sebagai bandar warisan. Melalui perancangan pembangunan yang menerapkan nilai-nilai pemeliharaan, ianya akan dapat melindungi sumber warisan daripada mengalami kemusnahan dan kepentingan pemeliharaan sumber warisan tersebut dijangka mampu untuk menjana perkembangan sektor pelancongan tempatan.

ABSTRACT

This research is a study on the preservation of Taiping as a town of heritage and tourism in the state of Perak. The influence of development, current economic and technological improvement giving lot of challenges on how Taiping can be maintained as a heritage town. Through the development planning which is contain of preservation values, it will be able to protect the heritage resources from any destruction and the importance of heritage preservation is expected to be able to generate the growth of local tourism sector.

ISI KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	Halaman Tajuk	i
	Pengakuan	ii
	Penghargaan	iii
	Abstrak	iv
	Abstract	v
	Isi Kandungan	vi
	Senarai Rajah	x
	Senarai Jadual	x
1	PENDAHULUAN	
1.1	Pengenalan	1
1.2	Bangunan-Bangunan Dan Kawasan Warisan	2
1.2.1	Definisi Pemeliharaan	6
1.2.2	Definisi Kawasan Pemeliharaan	6
1.2.3	Konsep Pemeliharaan	10
1.2.4	Konsep Kawasan Pemeliharaan	11
1.2.5	Matlamat Pemeliharaan	12
1.2.6	Prinsip Am Pemeliharaan	12
1.2.7	Isu Pembangunan Dan Pemeliharaan Bandar Taiping	14
1.3	Permasalahan Kajian	16
1.4	Objektif Kajian	17
1.5	Fokus Kajian	18
1.5.1	Bandar Taiping	18
1.5.2	Responden	19
1.5.3	Kaedah Pemeliharaan	19
1.6	Hipotesis Kajian	20
1.7	Kepentingan Kajian	21
1.8	Limitasi Kajian	21

2	SOROTAN KESUSASTERAAN	
2.1	Pengenalan	23
2.2	Pemeliharaan Bandar Warisan	24
2.3	Taiping Sebagai Bandar Warisan	26
2.4	Relevan Pemeliharaan Bandar Warisan Sebagai Tarikan Pelancongan	28
2.5	Rumusan	30
3	METODOLOGI KAJIAN	
3.1	Pengenalan	31
3.2	Sumber Data	32
	3.2.1 Data Primer	32
	3.2.2 Data Sekunder	36
3.3	Populasi	37
3.4	Persampelan	39
3.5	Instrumen Kajian	39
3.6	Rumusan	40
4	ANALISA & DAPATAN KAJIAN	
4.1	Pengenalan	41
4.2	Analisa Data	42
4.3	Majlis Perbandaran Taiping (MPT)	43
	4.3.1 Visi Pembangunan Dan Pemeliharaan Semula Bandar Taiping Sebagai Bandar Warisan	44
	4.3.2 Objektif Rancangan Kawasan Khas (RKK) Sebagai Kaedah Pemeliharaan	46
	4.3.3 Proses Penyediaan Rancangan Kawasan Khas (RKK) Di Bandar Taiping	48
	4.3.4 Kedudukan Dan Keluasan Rancangan Kawasan Khas (RKK) Di Bandar Taiping	49
	4.3.5 Zon Pemeliharaan Warisan Di Pusat Bandar Taiping	51

4.3.6	Konsep Pelan Pembangunan Kawasan Warisan Di Bandar Taiping	53
4.3.7	Cadangan Projek Utama Bagi Meningkatkan Imej Taiping Bandar Warisan	54
4.3.8	Kaedah Pemeliharaan Dan Pembangunan Semula Bangunan Warisan	56
4.3.9	Pemeliharaan Dan Pembangunan Kawasan Warisan	60
4.3.10	Cadangan Pemeliharaan Dan Pengindahan Taman Tasik Taiping	61
4.3.11	Cabaran Dan Halangan Terhadap Pemeliharaan Bandar Taiping Sebagai Bandar Warisan	62
4.3.12	Aset Dan Potensi Pelancongan Taiping Sebagai Bandar Warisan	65
4.4	Pusat Informasi Pelancong Taiping (PIPT)	67
4.4.1	Peranan Pusat Informasi Pelancong Taiping (PIPT) Kepada Perkembangan Pelancongan Setempat	67
4.4.2	Faktor Tarikan Dan Daya Keunikan Taiping Bandar Warisan Kepada Pelancong	69
4.4.3	Kerjasama Pusat Informasi Pelancong Taiping (PIPT) Dalam Melestarikan Taiping Sebagai Bandar Warisan Dan Pelancongan	70
4.4.4	Reaksi Penduduk Setempat Dan Sambutan Pelancong Terhadap Taiping Bandar Warisan	72
4.4.5	Kesan Pelancongan Terhadap Sumber Warisan Dan Kawasan Setempat	73
4.5	Respon Masyarakat Setempat Dan Pelancong Terhadap Pemeliharaan Sumber Warisan Di Bandar Taiping Dan Kepentingannya Kepada Sektor Pelancongan Tempatan	76
4.5.1	Jantina	77
4.5.2	Bangsa	78
4.5.3	Status perkahwinan	79
4.5.4	Kewarganegaraan	80
4.5.5	Umur	81
4.5.6	Pekerjaan	82
4.5.7	Mengetahui Tentang Tempat-Tempat Warisan Dan Sejarah Di Taiping	83
4.5.8	Melawat Atau Melancong Ke Tempat Warisan Dan Sejarah Di Taiping	84
4.5.9	Wajar Memelihara Tempat-Tempat Warisan Supaya Bertahan Lama	85
4.5.10	Tempat-Tempat Warisan Dimusnahkan Untuk Pembangunan Bandar Taiping	86
4.5.11	Tempat-Tempat Warisan Dimajukan Untuk Tujuan Pelancongan	87
4.5.12	Tempat-Tempat Warisan Yang Dimajukan Mampu Memberi Daya Tarikan Kepada Pelancong	88
4.5.13	Pemeliharaan Tapak Sejarah Dan Bangunan Warisan	89

4.5.14	Inventori Tempat-Tempat Warisan Di Bandar Taiping	90
4.5.15	Baikpulih Tempat-Tempat Warisan Yang Terbiar	91
4.5.16	Pengekalan Tempat-Tempat Warisan Sebagai Sumber Sejarah	92
4.5.17	Tempat-Tempat Warisan Dimajukan Dan Digunakan Dengan Aktiviti Yang Sesuai	93
4.5.18	Pihak Berkuasa Tempatan Perlu Menguatkuasakan Undang-Undang	94
4.5.19	Tempat-Tempat Warisan Perlu Dipagari Atau Ditanda	95
4.5.20	Kerjasama Pihak Swasta Dan Penduduk Tempatan Memelihara Dan Memajukan Tempat-Tempat Warisan Sebagai Kawasan Pelancongan	96
4.5.21	Organisasi Pelancongan Perlu Menyenaraikan Tempat-Tempat Warisan Sebagai Destinasi Yang Harus Dikunjungi	97
4.5.22	Industri Pelancongan Berkembang Pesat Dan Menjana Pendapatan Penduduk Melalui Pemeliharaan Tempat-Tempat Warisan	98
4.6	Pengujian Hipotesis	99
4.7	Rumusan	100
5	KESIMPULAN & CADANGAN	
5.1	Kesimpulan	101
5.2	Cadangan	103
5.3	Cadangan Untuk Penyelidikan Masa Hadapan	105
5.4	Penutup	106
	BIBLIOGRAFI	108
	LAMPIRAN	110

SENARAI RAJAH

RAJAH	PERKARA	MUKA SURAT
1	Kawasan Warisan meliputi Pusat Bandar Taiping dan Taman Tasik Taiping	50
2	Zon Pemeliharaan Warisan di Pusat Bandar Taiping	52
3	Cadangan Projek Utama Bagi Meningkatkan Imej Taiping Bandar Warisan	55
4	Bangunan Rumah Rehat (Rest House)	116
5	Bangunan Galeria Pertama (The First Galleria)	116
6	Bangunan persendirian No. 31 Jalan Stesen	116

SENARAI JADUAL

JADUAL	PERKARA	MUKA SURAT
1	Perkara nyata	4
2	Perkara tidak nyata	5

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Bandar Taiping yang merupakan sebuah bandar yang bermula sebagai sebuah pekan kecil bijih timah sehingga menjadi ibu negeri pertama Perak suatu ketika dahulu. Pada masa kini ia masih tetap unggul dengan ciri-ciri sejarahnya sehingga dikenali sebagai Bandar Warisan. Pada mulanya, Taiping dikenali dengan nama Klian Pauh. Bandar yang hanya bermula dengan penempatan sebilangan kecil masyarakat Melayu telah menarik ramai orang asing datang ke bandar ini selepas penemuan bijih timah yang banyak di kawasan sekitarnya. Peristiwa penemuan bijih timah ini berlaku berikutan terjumpanya gajah peliharaan Long Jaafar yang bernama Larut berlumuran dengan lumpur yang mengandungi bijih timah. Bersempena nama gajah tersebut, daerah itu telah dinamakan Larut.

Bandar Taiping yang terletak di Negeri Perak ini dahulunya dikenali sebagai Kelian Pauh dan telah ditukar namanya kepada Taiping sempena tamatnya Perang Larut pada tahun 1874. Taiping berasal daripada perkataan Cina iaitu "Tai-Peng" yang bermaksud aman selama-lamanya. Setelah termeterainya Perjanjian Pangkor pada 20 Januari 1874, Taiping telah menjadi sebuah bandar yang utama di Negeri Perak. Taiping juga turut dijadikan sebagai pusat pentadbiran British pada ketika itu. Keadaan ini telah menjadikan bandar Taiping sebagai salah satu bandar warisan yang tertua di Malaysia.

Pada masa kini, Majlis Perbandaran Taiping (MPT) merupakan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang bertanggungjawab dalam perancangan pembangunan dan pemeliharaan sumber-sumber warisan yang terdapat di daerah Larut Matang. Daerah Larut Matang mengandungi 12 mukim iaitu Mukim Assam Kumbang, Mukim Jebong, Mukim Tupai, Bandar Taiping, Mukim Pengkalan Aur, Mukim Simpang, Mukim Sungai Limau, Mukim Bukit Gantang, Mukim Trong, Mukim Sungai Tinggi, Mukim Batu Kurau dan Mukim Kamunting.

1.2 Bangunan-Bangunan Dan Kawasan Warisan

Bangunan-bangunan warisan yang terdapat di Taiping lebih tertumpu kepada bangunan kerajaan dan rumah kedai di mana senibinanya adalah dari pengaruh Inggeris. Terdapat 83 rumah kedai dan 34 bangunan-bangunan awam di Taiping. Rumah kedai merupakan bangunan yang paling nyata dan menjadi tanda tempat yang penting di Taiping. Ianya diimport dari China dan dipengaruhi pula oleh senibina kolonial yang berkembang pada abad ke 16 hingga pertengahan abad ke-20. Senibina kolonial ini adalah senibina yang dibawa oleh penjajah-penjajah Eropah yang pernah menjajah Malaysia seperti Portugis, Belanda dan Inggeris yang telah diubahsuai mengikut keadaan iklim Malaysia.

Senibina yang sering digunakan ialah Utilitarian, Neo-Classical, Palladian, Minnan, Moden dan sebagainya. Salah satu keunikan bangunan warisan ini adalah kebanyakan pembinaan bangunan-bangunan konkrit yang terdapat di Larut mendahului tempat-tempat lain di semenanjung Malaysia.

Taiping dibangunkan untuk memberi perkhidmatan kepada pembangunan aktiviti perlombongan bijih timah dan juga dijadikan pusat pentadbiran kerajaan Inggeris sebelum Ipoh dan Kuala Lumpur dibangunkan. Taiping sudah pun muncul dengan bangunan-bangunan dan rumah-rumah batu sedangkan ketika itu Kuala Lumpur masih lagi dipenuhi rumah-rumah usang seperti bangsal. Landasan kereta api yang pertama di Malaysia adalah landasan yang menghubungkan bandar Taiping dengan Port Weld. Perkembangan bandar dititikberatkan oleh kerajaan British memandangkan peranannya yang strategik menjadi ibu negeri pusat pentadbiran British di Perak. Perkembangan ini disokong oleh sistem perhubungan dan komunikasi paling moden ketika itu. Taiping merupakan satu-satunya bandar yang mempunyai landasan kereta api, lapangan terbang dan pusat telegraf pertama di Tanah Melayu. Bandar Taiping dilengkapi dengan komponen bandar sejak mula dibangunkan di antaranya ialah pusat pentadbiran, pendidikan, rekreasi, keagamaan, perniagaan, keselamatan dan pusat sivik yang dibangunkan sejak tahun 1800-an. Puncak keunikan rupa bandar Taiping adalah pada kawasan taman rekreasi yang mempunyai nilai sejarah selaras dengan pembentukan bandar itu sendiri. Taman Tasik Taiping terkenal serata negara kerana ia mempunyai reputasi sebagai taman rekreasi yang tertua dan tercantik pada suatu ketika dahulu. Pokok-pokok yang terdapat di bahagian-bahagian jalan tertentu melintangi jalan utama dan jalan-jalan yang selari dengannya telah menghasilkan suasana yang redup dan selesa. Segala keunikan yang terdapat di sini adalah berkait secara langsung antara satu sama lain dan membentuk suasana bandar secara menyeluruh. Jika bandar-bandar lain mempunyai kawasan-kawasan tertentu di dalam bandar yang mempunyai nilai warisan yang unggul, Taiping boleh dikatakan mempunyai kualiti ini secara menyeluruh.

Keunikan bandar Taiping sebagai bandar yang pertama di Malaysia adalah berdasarkan kepada 33 perkara pertama yang berlaku di bandar ini. Senarai 33 perkara pertama ini telah dinyatakan oleh Majlis Perbandaran Taiping dalam Rancangan Kawasan Khas : Kawasan Warisan Bandar Taiping.

Bilangan	Perkara Nyata	Tahun
1.	Maktab Perguruan	1831
2.	Rumah Residen British	1870
3.	Gudang Simpan Senjata	1870
4.	Kolam Renang	1870
5.	Bangunan Mahkamah	1870
6.	Bukit Larut / Maxwell Hill	1870
7.	Padang Lumba Kuda	1870
8.	Masjid Tengku Menteri	1870
9.	Rumah Rehat / Rest House	1870
10.	Balai Penghulu Matang	1875
11.	Pelabuhan Port Weld	1877
12.	Central School Kamunting	1878
13.	New Club Taiping	1880
14.	Hospital Taiping	1880
15.	Taman Tasik Taiping	1880
16.	Coronation Park	1880

17.	Muzium Perak	1883
18.	Pejabat Kerajaan	1883
19.	Penjara Taiping	1883
20.	Sekolah King Edward VII	1883
21.	Bangunan Pasar Besar	1884
22.	Pejabat Telegraf	1884
23.	Landasan Keretapi dari Taiping ke Port Weld	1885
24.	Treacher Girl School (SMK Treacher Methodist)	1889
25.	Menara Jam Besar (Clock Tower)	1890
26.	Sekolah Melayu (SR Matang Gelugor)	1894
27.	Lapangan Terbang Tekkah	1930
28.	Zoo Taiping	1961

Jadual 1 : Perkara nyata

Bilangan	Perkara Tidak Nyata	Tahun
29.	Lombong Bijih Timah	1844
30.	Pasukan Polis Pertama	1879
31.	Akhbar Melayu – Seri Perak	1890
32.	Akhbar Inggeris – Perak Pioneer	1894
33.	Akhbar Tamil – Perak Varthamenan	1894

Jadual 2 : Perkara tidak nyata

1.2.1 Definisi Pemeliharaan

Pemeliharaan bangunan dan monumen bererti memelihara dan memperbaiki harta dan warisan lama yang mempunyai nilai-nilai seni bina dan sejarah melalui kerja-kerja penyelenggaraan dan pembaikan. Proses ini bertujuan untuk melanjutkan usia atau keadaan sesebuah bangunan lama, monumen atau sebarang harta warisan negara. Konteks bangunan di sini adalah sebarang struktur pembangunan yang telah atau sedang diguna atau didiami oleh penghuni. Penjagaan bangunan lama ini boleh dipraktikkan melalui pelbagai kaedah dan teknik pembaikan dan pemeliharaan.

1.2.2 Definisi Kawasan Pemeliharaan

Kawasan pemeliharaan biasanya ditakrifkan dengan seberapa yang hampir kepada pemeliharaan kawasan warisan dalam konteks yang sebenar. Pentakrifan ini mestilah dikaitkan dengan 'tempat' dan 'karakter' bagi mencapai keberkesanan maksud kawasan pemeliharaan. Kebanyakan maksud kawasan pemeliharaan didefinisikan mengikut sudut perundangan.

Berdasarkan *Zoning Ordinance* 1931 di Amerika Syarikat, kawasan pemeliharaan dikaitkan dengan 'daerah' di dalam lingkungan bandar. Ianya mengklasifikasikan kawasan pemeliharaan kepada dua daerah yang lain.

i. Daerah Lama Bersejarah

Kawasan daerah lama bersejarah membawa maksud kawasan yang mempunyai kepentingan sejarah yang merangkumi elemen-elemen seperti bangunan-bangunan, monumen-monumen, mercu tanda, rumah ibadat, kota lama dan pokok-pokok. Kebiasaannya kawasan ini lebih teratur dan terancang.

ii. Daerah Bandar Lama

Kawasan daerah bandar lama membawa maksud kawasan yang mempunyai elemen-elemen fizikal yang mempunyai kepentingan sejarah. Elemen-elemen fizikal ini tidak semestinya bersejarah tetapi mestilah mempunyai usia 100 tahun atau lebih (Chahlakbur Sigh, 1986).

Namun begitu, makna kawasan pemeliharaan berdasarkan akta ini masih tidak jelas dan hanya menumpukan kepada elemen-elemen fizikal yang berkepentingan sejarah sahaja.

Municipal Planning Act 1975 di Denmark, mengaitkan kawasan pemeliharaan dengan sektor bandar. Sektor bandar ini membawa makna kawasan yang mempunyai bangunan-bangunan yang mempunyai kepentingan untuk dipelihara. Ia membahagikan sektor bandar kepada dua kelas.

i. Sektor Bandar Kelas A

Kawasan yang terdiri dari bangunan-bangunan yang mempunyai keistimewaan seni bina atau kepentingan budaya atau berkepentingan sejarah. Ketiga-tiga ciri ini mestilah mempunyai nilai yang terbaik. Kawasan ini dikekalkan keseluruhannya.

ii. Sektor Bandar Kelas B

Kawasan yang terdiri dari bangunan-bangunan yang mempunyai keistimewaan seni bina, budaya atau sejarah yang tidak tersenarai dari sektor bandar Kelas A. Pemeliharaannya hanyalah ditekankan kepada fabrik bangunan seperti bumbung dan fasad yang menghadap jalan (Rodwell, 1975).

Melalui akta ini juga maksud kawasan pemeliharaan tidak dinyatakan dengan mendalam dan hanya terhad kepada bangunan-bangunan sahaja. Namun begitu, terdapat aspek selain daripada seni bina dan sejarah yang diberi penekanan iaitu kepentingan budaya.

Di Netherlands, kawasan pemeliharaan dikaitkan dengan *villege view* dan *townscape*. Melalui *Historic Buildings Act* 1961 maksud kawasan pemeliharaan adalah terdiri dari bangunan-bangunan, tali air dan tanaman-tanaman yang boleh bertahan lama yang mempunyai kepentingan sejarah yang tinggi. Elemen-elemen yang tidak mempunyai kepentingan sejarah yang tinggi tetapi menyumbangkan kepada karakter kawasan juga disenaraikan di bawah kawasan pemeliharaan (Whysall, 1982).

Definisi ini juga tidak mendefinisikan kawasan pemeliharaan secara khusus yang merangkumi pelbagai kepentingan. Namun begitu, terdapat penekanan kepada kepentingan memelihara karakter pada sesuatu tempat.

Melalui Civic Amenity Act 1967 di United Kingdom maksud kawasan pemeliharaan telah didefinisikan dengan khusus. Ia mendefinisikan kawasan pemeliharaan sebagai “kawasan yang mempunyai ciri-ciri keistimewaan seni bina atau kepentingan sejarah atau keistimewaan karakter atau ciri-ciri yang menonjol untuk dikekalkan dan dipertingkatkan” (Suddard, 1982).

Saiz dan keadaan kawasan pemeliharaan berkemungkinan dari kumpulan kecil bangunan sehinggalah kepada keseluruhan pusat bandar. Berdasarkan maksud tersebut kawasan pemeliharaan sebaiknya mempunyai:

- Keistimewaan seni bina atau kepentingan sejarah.
- Karakter atau ciri-ciri yang menonjol.

Secara keseluruhannya, kawasan pemeliharaan bermaksud kawasan yang mempunyai karakter dan identiti yang istimewa dan terdapat di dalamnya keistimewaan seni bina, kepentingan sejarah dan kepentingan budaya. Ia secara khusus mempunyai perkaitan dengan tempat. Karakter dan identiti tempat boleh dibentuk oleh elemen-elemen fizikal (bangunan, monumen, landskap, sungai dan runtuan kota) dan bukan fizikal (aktiviti, saintifik dan sejarah). Elemen-elemen ini tidak semestinya mempunyai ciri-ciri yang berkepentingan tetapi lebih diutamakan adalah perkaitannya dengan pembentukan sesuatu tempat tersebut.

1.2.3 Konsep Pemeliharaan

Menurut Charter (1992), pemeliharaan (*conservation*) adalah satu istilah umum yang membawa maksud segala proses yang terlibat untuk menjaga sesuatu tempat bagi tujuan memelihara kepentingan budaya. tindakannya termasuklah perawatan dan mengikut keadaan tertentu termasuk pengekalan, pemulihan, pembangunan semula, dan penyesuai guna.

Pemeliharaan bersejarah merupakan sebahagian besar daripada perancangan bandar dan wilayah (Wayne, 1979). Pemeliharaan bukan sahaja dilihat dari sudut sesebuah atau sekelompok bangunan warisan, tetapi juga kawasan semula jadi, kampung, bandar dan kawasan kejiranan. Skala tindakan pemeliharaan telah diperluaskan dengan mengambil kira kepelbagaian dan kepentingan elemen bandar yang menjadi karakter rupa bandar.

Pengurusan dan perancangan segala sumber jaya sama ada sumber jaya semula jadi atau binaan manusia secara wajar untuk memenuhi keperluan masa hadapan bagi memastikan pembekalan sumber jaya semula jadi secara berterusan. Tujuan sebenar pemeliharaan adalah untuk mengekal atau mengembalikan semula kepentingan budaya sesuatu tempat dan kawasan yang meliputi penjagaan yang berterusan pada masa hadapan. Proses pemeliharaan sebenarnya melibatkan beberapa kaedah yang diguna pakai di mana setiap kaedah melibatkan tahap perubahan yang berbeza terhadap fabrik sesuatu tempat kerana ia spesifik kepada jenis-jenis tindakan.

1.2.4 Konsep Kawasan Pemeliharaan

Konsep kawasan pemeliharaan pada awalnya ditekankan kepada tempat yang berkepentingan sejarah sahaja. Konsep ini menjadi lebih khusus setelah diperkenalkan oleh Duncan Sandys di United Kingdom pada awal tahun 1947 dan kemudian berkembang melalui pembentukan *Civic Amenity Act* 1967 yang memberi peruntukan khusus kepada penentuan kawasan pemeliharaan. Kawasan pemeliharaan ini diwujudkan bagi mengambil kira 'nilai kumpulan' sebagai lebih utama berbanding nilai individu-individu bangunan. Pada asasnya kawasan pemeliharaan bertujuan untuk memelihara karakter kawasan atau tempat yang mempunyai keistimewaan seni bina atau kepentingan sejarah atau kepentingan budaya dan memastikan karakter ini dikekalkan, dikawal dan ditingkatkan.

Pembentukan karakter tempat bukan sahaja dari bangunan-bangunan yang mempunyai keistimewaan seni bina dan kepentingan sejarah tetapi juga bangunan-bangunan yang tidak tersenarai, ruang terbuka, pokok-pokok, bentuk jalan yang unik, kawasan hijau atau tapak arkeologi yang menarik. Kawasan pemeliharaan juga sering dirujuk kepada tempat (*place*) yang mempunyai kepelbagaian keunikan. Adalah penting bagi mengetahui bagaimana untuk memilih dan menjaga tempat bagi memudahkan pembentukan kawasan pemeliharaan. Secara keseluruhannya, didapati bahawa konsep kawasan pemeliharaan adalah lebih memberi penekanan kepada sumbangan keseluruhan terhadap karakter tempat. Ia adalah merupakan pemeliharaan secara kawasan bagi memastikan keseluruhan perkaitan yang terdapat di dalamnya dipelihara. Jika berlaku perubahan kepada perkaitan ini akan juga menjejaskan karakter tempat tersebut. Karakter setempat yang terjejas sehingga hilang identitinya tidak memberi sebarang makna kepada kawasan pemeliharaan.